

# Kerajaan bertindak jika hudud Pas zalim

JITRA, Jumaat — Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan terhadap Kerajaan Kelantan pimpinan Pas jika mereka menzalimi orang Islam di negeri itu dengan menguatkuasakan hukum hudud yang digubalnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat akan menentukan undang-undang yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di bawah telunjuk Pas itu, tidak dilaksanakan kerana ia didapati bercanggah dengan ajaran Islam.

"Sementara kita menerima hukum hudud dalam Islam, kita tidak menerima hukum (hudud) Pas di Kelantan. Kita bukan

saja tidak menerima, bahkan kita melarang dia (Pas) daripada melakukan kezaliman terhadap orang Islam di Kelantan.

"Kalau dia (Pas) kuatkuasakan juga, bererti dia melakukan kezaliman kepada rakyat di Kelantan dan kita akan mengambil tindakan terhadap Kerajaan Pas," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Khas Umno bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan, Kerajaan Pusat menolak rang undang-undang jenayah yang kononnya berasaskan hukum hudud dicadangkan Pas itu kerana ia didapati tidak secocok dengan kehendak agama Islam.

Sambil menyifatkan

rang undang-undang itu sebagai undang-undang Pas, beliau berkata keputusan itu dibuat setelah Kerajaan Pusat mengkaji sama ada undang-undang yang diluluskan DUN Kelantan itu selari dengan kehendak hukum hudud.

"Saya semak undang-undang Pas dari segi keadilan dan kita dapati ia tidak adil. Kita tidak menolak hukum hudud tetapi pelaksanaan hukum hudud mestilah mengikut kehendak agama Islam.

"Cara yang dicadangkan Pas itu tidak mengikut kehendak agama Islam dan hasilnya ialah ketidakadilan dan kezaliman. Pas akan melakukan kezaliman kepada orang tertentu khususnya orang Islam sendiri yang

akan menjadi mangsa undang-undang Pas," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat menolak dan tidak boleh menerima undang-undang Pas selagi parti itu tidak boleh membuktikan bahawa undang-undang yang digubalnya itu adalah adil.

Menurutnya, kerajaan berpegang kepada prinsip Islam yang menjadi agama rasmi negara dan perlu memastikan undang-undang negara tidak boleh bercanggah dengan ajaran Islam.

Bagaimanapun, katanya undang-undang Pas di Kelantan digubal semata-mata kerana kepentingan politik dengan berselindung di sebalik agama Islam.